

Kita ketandusan profesor sastera



LINGKARAN SENI

KAMARIAH KAMARUDIN

Tanpa pensyarah sastera di institusi pengajian tinggi khususnya institusi pengajian tinggi awam (IPTA), tentu sekali subjek sastera tidak dapat diperkenalkan kepada mahasiswa. Tanpa pensyarah sastera khususnya sastera Melayu yang bertungkus-lumus memperkenalkan teks sastera Melayu kepada mahasiswa di kampus, pasti genre sastera tidak berkembang di universiti tanah air.

Tanpa pensyarah sastera khasnya sastera Melayu yang gigih memperjuangkan bahasa dan sastera di peringkat Nusantara dan dunia, pasti khalayak tidak akan mengenali barisan sasterawan negara seperti A Samad Said, Keris Mas, Shahnun Ahmad, Siti Zainon Ismail dan lain-lain. Maka, jelaslah bahawa kepentingan kedudukan sarjana sastera dalam landskap pendidikan tanah air lantaran subjek sastera diajar di peringkat sekolah menengah lagi.

Teks komponen sastera (Komsas) misalnya merupakan komponen yang terdapat dalam silibus Bahasa Malaysia yang menjadi subjek teras di sekolah seluruh Malaysia.

Jika tidak lulus Bahasa Malaysia yang mengandungi teks Komsas maka akan gagallah seseorang pelajar itu apatah lagi untuk memohon menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam menggapai segulung ijazah dan diploma. Jelas di sini bahawa sastera Melayu merupakan induk kepada subjek Bahasa Malaysia yang menjadi nadi dan nyawa warganegara Malaysia untuk terbang lebih tinggi.

Justeru, kedudukan sastera di peringkat kebangsaan dan negara amatlah penting. Musabab itu kerajaan Malaysia mengiktiraf Sasterawan Negara sebagai simbol kehebatan sastera di mata dunia. Seramai 15 orang Sasterawan Negara yang telah dinobatkan setakat 2025 memperlihatkan usaha dan upaya untuk menjadikan dunia sastera sebagai sua-



HASHIM



RAHMAH



MOHD YUSOF



SITI ZAINON



MD SALLEH

tu produk kebanggaan negara. Namun, sejauh mana para sarjana sastera yang telah melakukan pelbagai kajian dan penyelidikan dalam memperkenalkan sastera Melayu dalam kalangan mahasiswa diberikan pengiktirafan yang selayaknya? Lantaran hari ini sarjana sastera di Malaysia makin berkurangan setelah ramai 'otai' sebelumnya telah bersara, malahan meninggal dunia.

Bersara, meninggal dunia

Antara sarjana sastera bertaraf profesor yang telah pulang ke kampung abadi misalnya Hashim Awang, Rahmah Bujang, Siti Hawa Salleh, Mohd. Yusof Hassan dan Shahnun Mohd Saman. Yang masih ada seperti Siti Zainon Ismail, Solehah Ishak, Shohaimi Aziz, Md Salleh Yaapar, Noriah Taslim, Noriah Mohamed, Mohd Mokhtar Abu Hassan, Jelani Harun dan Ungku Maimunah Mohd Tahir, namun telah bersara.

Malahan ada pula sarjana yang telah bersara belum sempat mengecap status profesor kerana kriteria kenaikan pangkat di sesetengah universiti amatlah ketat dan sesekali tidak masuk akal. Walhal para sarjana ini layak bergelar profesor kerana keaktifannya dalam dunia sastera, prolific menulis kreatif dan semi ilmiah, dan nama tersohor dalam bidang kepakaran masing-masing.

Sebagai contoh Othman Puteh, Abdul Rahman Nafiah, Shafie Abu Bakar, Anis@Hamidah Abdul Hamid, Fatimah Busu, Rahimah A Hamid, Mohamad Saleeh Rahamad dan Norhayati Abd Rahman yang hanya bergelar profesor madya setelah bersara.

Golongan sarjana sastera terbabit sebenarnya telah menyumbang bakti yang sangat besar dalam pembangunan sastera tanah air. Ribuan mahasiswa yang telah dicorakkan menjadi graduan

sastera yang berjaya menembusi tembok kampus sebagai pensyarah sastera, dan penulis sama ada ilmiah dan kreatif.

Malahan mereka ini juga telah bertungkus-lumus menjadi panel untuk hadiah sastera sama ada peringkat negeri dan negara.

Pengorbanan dan perjuangan sarjana sastera terbabit turut terserlah tatkala menghasilkan buku ilmiah tentang penyelidikan sastera dalam membijaksakan anak bangsa. Malahan buku sastera yang telah berada di pasaran itu telah dijadikan rujukan untuk mahasiswa kampus memahami sastera dengan lebih terperinci.

Lantaran kriteria yang tidak munasabah dan agak menyusahkan untuk para pensyarah di kampus memohon jawatan profesor, menjadikan dunia sastera kelim golongan sarjana sastera.

Kewibawaan para pensyarah yang memiliki nama besar dan tersohor dalam dunia sastera ini sebenarnya tidak diambil kira oleh pihak pengurusan kampus khususnya institusi yang bertaraf universiti penyelidikan.

Kriteria naik pangkat

Hal ini sewajarnya diberikan perhatian tuntas, dan perbincangan luwes tentang keupayaan dan kemampuan para sarjana sastera yang cemerlang dalam dunia penyelidikan, penulisan dan penerbitan buku ilmiah untuk kenaikan pangkat sebagai profesor madya dan profesor.

Tumpuan terhadap jurnal ilmiah yang berstatus Scopus (Q1, Q2, Q3, dan Q4), dan Web of Science (WoS) sepatutnya bukan keutamaan dalam pengiraan kriteria kenaikan pangkat dalam bidang sastera Melayu.

Hal ini demikian kerana penulisan

sastera yang berbeza dengan bidang kejuruteraan, sains, teknologi yang rata-ratanya banyak dihabiskan di makmal.

Malahan bidang selain sastera boleh menulis tulisan ilmiah untuk dimuatkan dalam jurnal bertaraf Scopus dan WoS secara berbondong-bondong nama penulisnya berbanding dalam dunia kritikan sastera. Bidang sastera memerlukan seseorang sarjana yang tekun, tekal dan fokus pada penulisan yang terbit dalam sesebuah jurnal dan buku kajian.

Lazimnya untuk sebuah artikel dalam jurnal ilmiah, nama pengkaji tidak boleh melebihi lima orang. Maka ini membezakan sarjana sastera berbanding dengan bidang lain dalam konteks dunia akademik. Apatah lagi menulis sebuah buku ilmiah yang berkisar tentang kajian kesusasteraan, pengarangnya rata-rata tunggal.

Istilah 'pembonceng gratis' wajar dielakkan dalam menghasilkan sesebuah tulisan bermutu yang bersifat sama ada ilmiah dan kreatif dalam dunia sastera tanah air. Lantaran tulisan tersebut memperlihatkan roh kepengarangan seseorang ahli dalam bidang kesasteraan kesusasteraan.

Ungkapan

Hamka: "Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir," sebagai renungan.

** Profesor Madya Dr Kamariah Kamarudin ialah pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Akademik Negara pada 2019 dalam Kategori Seni dan Kreativiti (Kelompok Penulisan Kreatif).*